

Ruj. Kami: (8.00)(01.00)96/1-3/(+6)

Tarikh : 24 September 1996

Semua Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan
Dan Badan Berkanun Persekutuan Sabah.

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

TINDAKAN MENYEGERAKAN PROSES BAYARAN

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/
Tuan/Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pejabat ini mendapati ada
beberapa Jabatan-Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun
Persekutuan Sabah yang tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan
103 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1979 dimana
bil-bil tuntutan bayaran pembelian barang-barang atau
perkhidmatan tidak disempurnakan pembayarannya mengikut
tempoh masa yang ditetapkan berdasarkan Arahan Perbendaharaan
yang berkenaan.

3. Pejabat ini berharap semua tuntutan bayaran hendaklah
diuruskan dengan segera. Sayugia diingatkan kepada Y.Bhg.
Dato'/Datuk/Tuan/Puan bahawa implikasi kepada pelanggaran
peraturan berkenaan akan memungkinkan pembayaran dibuat
dibawah A.P. 58(a) dan juga syarikat-syarikat lewat menerima
bayaran bagi bekalan perkhidmatan yang telah siap
dilaksanakan.

4. Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ke atas
kelewatan menguruskan pembayaran ini boleh dikenakan syor
surcaj sekiranya kelewatan bayaran tersebut disebabkan oleh
kelalaian pegawai yang berkenaan.

Sekian dan diatas perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan ke
atas perkara ini diucapkan terima kasih.

" BERKHDIMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)
b.p. Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah.

MZHM/mt.